



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	25/7/2019	MUKA SURAT	: 40
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Buaya Sungai Bengkal dipantau

BATU PAHAT - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor akan memantau kawasan sekitar Sungai Bengkal di sini susulan tular di media sosial kelibat seekor buaya di sungai itu.

Pengarahnya, Salman Saaban berkata, pihaknya setakat ini tidak menerima sebarang aduan rasmi berkenaan penemuan reptilia tersebut, namun sedar isu itu tular di media sosial terutama di Facebook sejak kelmarin.

"Perhilitan Batu Pahat telah meninjau ke lokasi tetapi tiada kelibat buaya kelihatan ketika tinjauan dibuat. Saya menasihatkan orang ramai tidak perlu bimbang kerana buaya ini tidak mengancam keselamatan dan kawasan sungai tersebut memang habitatnya," katanya.